

# AS, Malaysia tekad kukuh perkongsian komprehensif

Amerika Syarikat ambil peluang dengan KL sebagai Pengerusi ASEAN 2025 bagi promosi kestabilan serantau

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia tekad mengukuhkan semula perkongsian komprehensif membabitkan kedua-dua negara, khususnya dalam meningkatkan hubungan ekonomi, teknologi serta aspek keselamatan.

Hasrat itu disuarakan Duta Besar AS ke Malaysia, Edgard D Kagan selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya, kelmarin.

Kagan berkata, AS akan mengambil peluang bekerjasama dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 bagi mempromosikan kestabilan dan pertumbuhan serantau.

“Gembira dapat mengukuhkan semula Perkongsian Komprehensif AS-Malaysia bersama PM @anwaribrahim. Kami meningkatkan hubungan ekonomi, teknologi dan keselamatan.

“Kerjasama dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN turut bagi mengukuhkan keselamatan,

kemakmuran dan masa depan bersama,” katanya melalui platform X, semalam.

## Bincang hubungan dua hala

Kelmarin, Perdana Menteri menerima kunjungan hormat Kagan di Putrajaya dan memaklumkan, mereka membincangkan hubungan dua hala yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara.

Sementara itu, Facebook US Embassy Kuala Lumpur memaklumkan, pertemuan antara dua pemimpin berkenaan turut menumpukan kepada peningkatan

kerjasama ekonomi dan teknologi.

Selain itu ia menyentuh pengukuhan kerjasama keselamatan serta menggalakkan pertumbuhan yang mampan.

“AS kekal komited untuk bekerjasama rapat dengan Malaysia dalam kedudukannya sebagai Pengerusi ASEAN bagi mempromosikan kestabilan serantau dan pertumbuhan ekonomi.

“Bersama-sama, kita mempereratkan hubungan demi memperkukuh keselamatan, kemakmuran dan masa depan bersama,” katanya.